



PERBENDAHARAAN MALAYSIA

ARAHAN PENTADBIRAN DALAMAN INTEGRITI BILANGAN 1/2026

POLISI PERCANGGAHAN KEPENTINGAN PERBENDAHARAAN MALAYSIA

UNIT INTEGRITI



PERBENDAHARAAN MALAYSIA

ARAHAN PENTADBIRAN DALAMAN INTEGRITI BILANGAN 1/2026

POLISI PERCANGGAHAN KEPENTINGAN PERBENDAHARAAN MALAYSIA

TUJUAN

1. Arahan Pentadbiran Dalaman Integriti ini dikeluarkan bagi tujuan untuk memberi panduan kepada warga Perbendaharaan Malaysia yang juga merupakan penjawat awam berhubung tatacara pengurusan percanggahan kepentingan dalam pelaksanaan tugas awam dan urusan rasmi.

LATAR BELAKANG

2. Polisi ini diwujudkan sebagai panduan kepada semua warga kerja Perbendaharaan Malaysia untuk mengurus, mengisytihar dan mengelakkan sebarang situasi yang menimbulkan percanggahan kepentingan antara tugas rasmi dengan kepentingan peribadi atau keluarga bagi memastikan integriti, ketelusan dan objektif dalam membuat keputusan. Ia melarang penggunaan jawatan untuk keuntungan peribadi atau keluarga serta mewajibkan pengisytiharan konflik.

3. Polisi ini juga dibangunkan bagi memenuhi keperluan MS ISO 37001:2016: Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS) di Perbendaharaan Malaysia. Melalui pembangunan Pelan Antirasuah Nasional (OACP) Tahun 2026-2030 serta pelaksanaan ABMS, Perbendaharaan Malaysia telah mengenal pasti antara risiko yang berpotensi wujudnya salah laku rasuah adalah kelemahan kawalan dalaman dan percanggahan kepentingan. Perbendaharaan Malaysia juga berpotensi tinggi terlibat dalam percanggahan kepentingan ketika menyampaikan perkhidmatan kepada pelanggan dan rakyat.

4. Justeru, demi menyahut seruan Kerajaan dalam menangani percanggahan kepentingan, Perbendaharaan Malaysia telah melaksanakan pelbagai usaha dan inisiatif membanteras rasuah antaranya dengan membangunkan Polisi Percanggahan Kepentingan.

5. Polisi Percanggahan Kepentingan Perbendaharaan Malaysia ini adalah tertakluk kepada akta, peraturan dan arahan semasa seperti berikut:

- a. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 (Akta 694);
- b. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993 / P.U.(A) 395/1993;
- c. Kod Etika Perbendaharaan Malaysia;
- d. Surat Aku Janji; dan
- e. Ikrar Bebas Rasuah.

PELAKSANAAN

6. Polisi ini terpakai kepada semua warga kerja yang sedang berkhidmat dengan Perbendaharaan Malaysia. Polisi ini juga hendaklah dijadikan panduan oleh pihak berkepentingan/pemegang taruh, rakan strategik/syarikat berkepentingan atau pihak ketiga yang berurusan dengan warga Perbendaharaan Malaysia.

7. Polisi ini dirangka sebagai panduan dan rujukan kepada warga Perbendaharaan Malaysia dan sebarang pindaan ke atas polisi ini adalah tertakluk kepada dasar dan peraturan semasa yang sedang berkuatkuasa. Polisi Percanggahan Kepentingan Perbendaharaan Malaysia adalah seperti dilampirkan bersama-sama arahan pentadbiran ini.

8. Dengan pemakaian Polisi Konflik Kepentingan diharapkan warga kerja Perbendaharaan Malaysia dapat memahami tatacara dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab dengan lebih berhemah dan berdedikasi serta tidak menyalahguna kuasa yang ada bagi kepentingan peribadi. Pematuhan terhadap polisi ini akan meningkatkan tadbir urus terbaik (good governance) dan menjadikan Perbendaharaan Malaysia sebagai sebuah agensi bebas rasuah, telus dan amanah.

TARIKH KUAT KUASA

9. Arahan Pentadbiran Dalaman Integriti Bilangan 1/2026 berkaitan Polisi Percanggahan Kepentingan Perbendaharaan Malaysia ini berkuat kuasa mulai daripada tarikh ia dikeluarkan dan ianya hendaklah dibaca bersekali dengan akta, peraturan dan arahan semasa yang telah dinyatakan di para 3.



(DATUK JOHAN MAHMOOD MERICAN)

Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Tarikh: 8.5.24